



**MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
BATU PAHAT, JOHOR**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia keutamaan kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan **jawatan tetap** berikut di **Majlis Perbandaran Batu Pahat** :

Bil.	Jawatan	Gred	Klasifikasi Perkhidmatan	Jadual Gaji Minimum - Maksimum
1.	Penolong Pegawai Seni Bina	JA29	Kejuruteraan	RM1,549.00– RM5,701.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM145.00
2.	Penolong Jurutera	JA29	Kejuruteraan	RM1,549.00– RM5,701.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM145.00
3.	Penolong Arkitek Landskap	JA29	Kejuruteraan	RM1,549.00– RM5,701.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM145.00
4.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	Pentadbiran dan Sokongan	RM1,352.00– RM4,003.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM100.00
5.	Pembantu Penguatkuasa	KP19	Keselamatan dan Pertahanan Awam	RM1,360.00– RM4,052.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM100.00

JAWATAN 1- PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29

1. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,935.02)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. TARAF JAWATAN : TETAP

JAWATAN 2- PENOLONG JURUTERA GRED JA29

1. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,935.02)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) :

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (b) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (c) Had umur pelantikan
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. TARAF JAWATAN : TETAP

JAWATAN 3- PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29

1. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
 - (ii) Sijil dalam bidang perancang bandar, kejuruteraan awam (seni bina) atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
 - (iii) Diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. TARAF JAWATAN : TETAP

JAWATAN 4- PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19

1. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) atau
 - (ii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau
 - (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT :

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Pengantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

- (a) Telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
- (b) Mempunyai kelayakan di perkara 1(c) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan
- (c) Had umur pelantikan
 - (i) Berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

- (iii) Berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. SENARAI BIDANG BERKAITAN DI PERINGKAT SKM :

Sila rujuk senarai bidang berkaitan di peringkat SKM yang diperakukan bersesuaian mengikut skim perkhidmatan di Laman Web EZSkim (pautan: <https://www.interactive.jpa.gov.my/ezskim/>).

5. MAKLUMAT TAMBAHAN :

Pemohon dengan kelayakan SKM hendaklah mendaftarkan kelayakan tersebut di dalam Sistem SPA9 melalui menu “Maklumat Pemohon” -> “Maklumat Kelayakan Akademik” -> “SKM”.

6. TARAF JAWATAN : TETAP

JAWATAN 5- PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19

1. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
 - (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
 - (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,416.40); atau
 - (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,472.80)
- (d) Dan memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perkara 1(c)(i), 1(c)(iii) dan 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SENARAI BIDANG BERKAITAN DI PERINGKAT SKM :

Sila rujuk senarai bidang berkaitan di peringkat SKM yang diperakukan bersesuaian mengikut skim perkhidmatan di Laman Web EZSkim (pautan: <https://www.interactive.jpa.gov.my/ezskim/>).

4. MAKLUMAT TAMBAHAN :

Pemohon dengan kelayakan SKM hendaklah mendaftarkan kelayakan tersebut di dalam Sistem SPA9 melalui menu “Maklumat Pemohon” -> “Maklumat Kelayakan Akademik” -> “SKM”.

5. TARAF JAWATAN : TETAP

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :

Bagi jawatan **Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29, Penolong Jurutera Gred JA29 dan Penolong Arkitek Landskap Gred JA29**, permohonan hendaklah disertakan “*video resume*” yang berdurasi tidak lebih dari 3 minit dalam bentuk *softcopy*. Garis panduan penyediaan “*video resume*” adalah sebagaimana berikut :

- a) Video tersebut hendaklah menggunakan suara pemohon sebenar.
- b) Kandungan video tersebut hendaklah merangkumi sebahagian besar perkara-perkara di bawah ;
 - i. Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
 - ii. Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.
 - iii. Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
 - iv. Pekerjaan / aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
 - v. Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon.
 - vi. Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon.
 - vii. Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau “NGO”.
 - viii. Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dimohon.
 - ix. Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
 - x. Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon.
- c) Pemohon digalakkan menghasilkan “*video resume*” yang unik dan kreatif.
- d) Video hendaklah disimpan di dalam CD atau “pendrive” dan dilampirkan bersama-sama dengan borang permohonan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web: www.mpbp.gov.my.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Batu Pahat
Aras 12, Menara MPBP, Jalan Rugayah,
83000 Batu Pahat, Johor

TARIKH TUTUP PERMOHONAN IALAH PADA 7 JANUARI 2024 (AHAD)

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :

1. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan 3 tahun berturut-turut.
2. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil berhenti sekolah, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun Gred 41 ke atas/Penghulu/Pengetua/Guru Besar/Pesuruhjaya Sumpah atau mereka yang diperakui pengesahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
3. Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak.
4. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
5. Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
6. Pentadbiran MPBP tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

(EZAHAR BIN ABU SAIRIN)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Batu Pahat